



GARIS PANDUAN MENGANJUR DAN MENGAWAL AKTIVITI PASAR MALAM, PASAR PAGI, PASAR MINGGU DAN PASAR TANI (PINDAAN 2024)

TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada penganjur yang diluluskan Majlis dalam merancang, mengawal dan menguruskan aktiviti pasar malam/pagi/minggu/tani di bahagian pulau, Pulau Pinang.

LATAR BELAKANG

- 1) Majlis kerap kali menerima aduan orang ramai mengenai isu kesesakan lalu lintas, sampah sarap, kebersihan persekitaran dan kacau ganggu hasil daripada aktiviti pasar malam/pagi/minggu/tani.
- 2) Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pasar Malam/Pagi/Minggu/Tani Bil 7 pada 30 Julai 2024 telah memutuskan untuk semakan semula Garis Panduan Untuk Menganjur Dan Mengawal Aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu Dan Pasar Tani (Pindaan Mei 2012) bagi memastikan setiap penganjur dapat merujuk sumber rujukan yang sama dalam mengawal selia aktiviti pasar malam/pagi/minggu/tani.

OBJEKTIF

- 1) Menambahbaik pengurusan pasar malam/pagi/minggu/tani ke arah yang lebih teratur, bersih, selesa dan mesra alam.
- 2) Mewujudkan persekitaran pasar malam/pagi/minggu/tani yang selamat dan bebas daripada sebarang risiko persekitaran.
- 3) Memastikan aktiviti penguatkuasaan undang-undang yang seragam, berterusan, efisien dan efektif.
- 4) Menjadikan pasar malam/pagi/minggu/tani sebagai satu daya tarikan pelancong dengan identiti unik tempatan.

DEFINASI

- 1) Pasar Malam/Minggu/Pagi- merujuk kepada suatu aktiviti jualan di mana gerai-gerai sementara didirikan dan mula beroperasi di sebelah pagi atau petang sehingga malam, secara mingguan dan bertapak di atas suatu jalan susur awam atau di suatu kawasan perumahan.

- 2) Pasar Tani- Pasar Tani merujuk kepada suatu pasar sementara yang khusus menjual barang-barang hasil pertanian di mana petani atau penternak menjual Barangan mereka secara langsung kepada orang ramai tanpa melalui orang tengah. Pasar ini diadakan secara mingguan pada waktu pagi atau petang.
- 3) Penganjur-penganjur merujuk kepada mana-mana entiti yang menganjurkan pasar malam/ pagi/minggu/tani.

KELAYAKAN PEMOHON

- 1) Untuk mengurus Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani hanya permohonan dari badan-badan seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) atau Persatuan Penduduk akan dipertimbangkan oleh Majlis.
- 2) Sekiranya ada dua (2) permohonan daripada MPKK atau Persatuan Penduduk, permohonan daripada MPKK yang dilantik oleh Kerajaan Negeri akan diberi keutamaan.
- 3) Tempat-tempat yang tidak mempunyai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) atau Persatuan Penduduk, maka mana-mana Persatuan Penaja yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dan berkeelayakan boleh memohon dengan persetujuan dan sokongan secara bertulis dari YB kawasan.
- 4) Majlis hanya akan mempertimbangkan permohonan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA – Federal Agricultural Marketing Authority) bagi tujuan menganjur Pasar Tani.

KONSEP

- 1) Konsep bagi Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani **take away sahaja** dan tidak dibenarkan perletakan kerusi meja untuk pelanggan. Walau bagaimanapun sebarang permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan khas oleh Jawatankuasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGANJUR

- 1) **Sempadan Kawasan** – Pasar malam baru untuk kelulusan **tidak boleh** berada di dalam lingkungan 1km dari pasar malam sediaada. Walau bagaimanapun sebarang permohonan yang bertindih kawasan adalah tertakluk kepada kelulusan khas oleh Jawatankuasa.
- 2) **Pemilihan Lokasi** – Setiap pasar malam/ pasar harian/ pasar tani hendaklah ditempatkan di lokasi yang **tidak mengganggu lalu lintas** dan **laluhan awam** serta **ada jalan susur keluar/ masuk**.
- 3) Aktiviti pasar malam yang dipohon di tempat letak kereta kawasan perumahan / pasar / kompleks, sekeliling kawasan pasar / kompleks Majlis dan kawasan perumahan adalah tertakluk kepada kelulusan khas oleh Jawatankuasa.

- 4) Tapak pasar malam/ pasar harian/ pasar tani hendaklah berada di kawasan bebas daripada banjir atau takungan air hujan,
- 5) Tapak yang dipilih hendaklah **mempunyai kawasan parkir kereta atau akses kepada kemudahan parkir kereta yang mencukupi.**
- 6) **Tidak berdekatan dengan punca-punca pencemaran** seperti tapak pengumpulan/ pelupusan sampah sarap, loji rawatan air kumbah, kawasan berdebu dan sebagainya.
- 7) **Tidak berdekatan dengan kawasan yang berisiko tinggi** seperti stesyen minyak, tempat penyimpanan silinder gas, di bawah kabel elektrik bervoltan tinggi dan sebagainya.
- 8) **Persediaan Lokasi** – Pengosongan lokasi bagi aktiviti pasar malam/pagi/minggu/tani adalah dibawah tanggungjawab penganjur sepenuhnya-inisiatif dan tindakan proaktif perlu diambil bagi memastikan lokasi bebas dari halangan pada hari pasar malam/minggu/pagi/tani.
- 9) **Petak Dan Gerai** – Penganjur perlu memastikan semua petak gerai hendaklah ditandakan dengan garisan yang seragam dan jelas tertakluk kepada kelulusan Majlis terlebih dahulu.
- 10) Penganjur perlu memastikan semua gerai/ khemah/ platform/ meja dan payung **hendaklah seragam** daripada segi **reka bentuk, saiz** dan **warna** (diseragamkan warna maroon shj) bagi mewujudkan keseragaman.
- 11) Trak Bergerak hendaklah mematuhi Garis Panduan Lesen Penjaja Bergerak/Statik Menggunakan Kenderaan Bermotor (Motosikal, Kereta Dan Trak Bergerak) MBPP
- 12) Penganjur perlu memastikan tiada apa-apa struktur/ binaan/ peralatan kekal di petak perniagaan selepas masa operasi.
- 13) Penganjur hendaklah memastikan jarak ruang bebas di antara gerai-gerai bertentangan sekurang-kurangnya seluas 10 kaki antara satu dengan yang lain.
- 14) Bilangan maksimum **peniaga pasar malam** dihadkan kepada **300 tapak sahaja**, tertakluk kepada keluasan kawasan. Untuk kawasan perumahan dihadkan kepada 100 tapak sahaja.
- 15) Penganjur tidak dibenarkan memperuntukkan lebih daripada tiga (3) tapak untuk setiap peniaga.
- 16) **Pengezonan** – Penganjur hendaklah memastikan:-
 - i) kawasan perniagaan dilaksanakan mengikut kategori barangan jualan, khasnya **pemisahan kawasan jualan makanan sedia dimakan dan makanan mentah untuk mengelakkan pencemaran silang (cross contamination).**
 - ii) kawasan perniagaan pasar hendaklah diasingkan mengikut zon kawasan barang basah, barang separa basah, barang kering dan makanan sedia dimakan.
 - iii) Tempat Letak Kereta-Penganjur yang memohon bagi pasar malam/pagi/minggu/tani perlu memastikan lokasi yang dipilih mempunyai kemudahan parkir kereta yang mencukupi dan tidak mengganggu lalu lintas

- iv) Penganjur perlu menempatkan anggota bagi kawalan aliran lalu lintas dengan melantik RELA atau sesiapa sahaja yang boleh mengawal aliran lalu lintas dan mengelak kesesakan pada hari pasar malam/pagi/minggu/tani.

17) **Pengurusan Sisa Pepejal –**

- i) Penganjur bertanggungjawab menyediakan tong sampah pukal bersaiz 660/1100 dan diletak di tempat yang sesuai untuk kegunaan pasar malam/pagi/minggu/tani tersebut;
- ii) Tong sampah hendaklah disediakan di sepanjang laluan pengunjung (setiap 15 gerai diletakkan tong sampah bersaiz 240l bagi penggunaan pengunjung dan peniaga);
- iii) Pembersihan sampah sarap secara keseluruhan hendaklah dijalankan sebaik sahaja tamat masa operasi tanpa menunggu hari berikutnya.

18) **Sistem Perparitan**

- i) Sistem perparitan yang sempurna perlu disediakan untuk mengalirkan air basuhan. Sisa makanan **DILARANG** dibuang secara terus ke dalam sistem perparitan.

19) **Kebersihan Keseluruhan Kawasan**

- i) Penganjur adalah bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan tapak terutama selepas tamat waktu operasi. Kegagalan untuk memastikan kebersihan tapak tersebut boleh menyebabkan tindakan kompaun diambil atau **pelucutan wang cagaran terhadap Penganjur, dan** Majlis berhak membatalkan lesen penganjur yang gagal membersihkan tapak pasar malam/pagi/minggu/tani selepas waktu aktiviti.

20) **Inisiatif Mesra Alam**

- i) Penganjur pasar malam/pagi/minggu/tani **DIWAJIBKAN** memastikan anjurannya **TIDAK** menggunakan penyedut minuman plastic dan *No Single Use Plastic*.
- ii) Penganjur pasar malam/pagi/minggu/tani **disarankan** untuk anjurannya menggunakan bahan 'biodegradable' dan mesra alam semasa menjalankan perniagaan.
- iii) Penggunaan bahan seperti beg plastik di pasar malam/ pasar harian/ pasar tani adalah tidak digalakkan.

21) **Inisiatif Kitar Semula**

- i) Penganjur dikehendaki melaksanakan program-program yang sedang di giatkan oleh Majlis iaitu:
- ii) program kitar semula di pasar malam/pasar harian/ pasar tani untuk menggalakkan usaha kitar semula dan mengurangkan penajaan sisa pepejal; dan
- iii) Program kutipan minyak masak terpakai ; dan

- iv) kemudahan untuk kutipan sisa organik seperti sisa sayuran, ikan, buah-buahan dan sebagainya bagi kegunaan penajanaan baja organik; dan
- v) Lain lain program dari masa ke semasa

22) Meja Perkhidmatan / Aduan

- i) Penganjur hendaklah menyediakan satu Meja/Kaunter/Booth/Khemah khas bagi penganjur bagi perkhidmatan dan aduan untuk orang awam di tapak pasar malam/ pasar harian/ pasar tani untuk sebarang aduan/kecemasan
- ii) Penganjur juga perlu membenarkan Majlis menggunakan Meja perkhidmatan/ aduan tersebut sekiranya perlu mewartakan urusan berkenaan dengan penguatkuasaan oleh pihak PBT.

23) Alat Pemadam Api I Peti Pertolongan Cemas

- i) Alat Pemadam Api dan peti pertolongan cemas perlu diletakkan di Meja perkhidmatan/ aduan sebagai persediaan jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.
- 24) Penganjur hendaklah memastikan bahawa setiap peniaga mempunyai lesen berniaga (pasar malam/ pasar harian/ pasar tani) sebelum dibenarkan menjalankan perniagaan dan mematuhi segala peraturan-peraturan di bawah Undang Undang Kecil PBT.
 - 25) Penganjur hendaklah memastikan bahawa setiap peniaga berdaftar dengan penganjur. Buku daftar yang mengandungi nama peniaga, nombor tapak, jenis jualan hendaklah disimpan dan dikemaskini bagi tujuan pemeriksaan oleh PBT dari semasa ke semasa.
 - 26) Penganjur hendaklah memastikan bahawa hanya peniaga berdaftar sahaja dibenarkan berniaga di pasar tersebut.
 - 27) Penganjur hendaklah memastikan tiada pendatang asing berniaga di pasar tersebut.
 - 28) Penganjur hendaklah sentiasa mengemaskini rekod senarai peniaga di dalam <https://ulesen.mbpp.gov.my>.
 - 29) Peniaga yang tidak lagi aktif berniaga perlu dikeluarkan dari senarai dan dimaklumkan kepada Majlis melalui emai/surat.
 - 30) Kelulusan Majlis hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum petak berkenaan digantikan dengan peniaga lain.
 - 31) Tambahan petak baru perlu mendapatkan kelulusan dari Majlis.
 - 32) Penganjur hendaklah memastikan bahawa penjualan barang-barang terlarang yang melanggar Undang-undang tidak dibenarkan sama sekali termasuk cakera padat dan DVD cetak rompak.
 - 33) Penganjur hendaklah memastikan bahawa aktiviti promosi menggunakan sistem audio visual dikawal supaya tidak menimbulkan gangguan bunyi bising.
 - 34) Penganjur hendaklah mengawal kehadiran peminta sedekah di kawasan pasar malam/ pasar harian/ pasar tani tersebut.

TUGAS TANGGUNGJAWAB PENGANJUR DAN PENIAGA

- 1) **Kebersihan Makanan** - Semua makanan sedia dimakan yang dipamerkan untuk jualan hendaklah ditutup untuk melindungi daripada habuk dan dihindangi lalat.
- 2) Penyepit atau senduk hendaklah disediakan untuk mengambil makanan sedia dimakan.
- 3) Semua makanan sedia dimakan tidak boleh dilapik atau dibalut dengan menggunakan surat khabar atau kertas yang bercetak,
- 4) Semua jenis bahan makanan mentah tidak boleh diletak terus di atas tanah/ jalan/ lantai tanpa pengalas/ platform/ bekas.
- 5) Peniaga hendaklah memastikan semua peralatan perniagaannya supaya sentiasa berkeadaan baik dan bersih.
- 6) Peniaga hendaklah menjaga kebersihan kawasan dan sekitar gerai/ petaknya supaya sentiasa bersih dan kemas.
- 7) Tempat memotong ayam, ikan, daging atau bahan-bahan mentah yang berpotensi menghasilkan sisa cecair dan sisa buangan hendaklah disediakan penghadang dan apron tempat kerja, bagi menghalang percikan sisa cecair daripada mencemari kawasan sekitar dan memudahkan pengumpulan sisa buangan.
- 8) Tempat memasak atau menggoreng makanan juga perlu disediakan penghadang dan pelapik (tray takungan) menghalang percikan minyak atau tumpahan sisa masakan mencemari kawasan sekitar dan memudahkan pengumpulan sisa makanan.
- 9) **Bekas Atau Tray Pameran Yang Menakung Sisa Cecair** - jualan bahan mentah basah yang mengeluarkan sisa cecair perlu menggunakan bekas atau tray yang boleh menakung sisa cecair agar tidak menitis ke lantai atau jalan. Tumpahan Bahan Busuk - Penganjur perlu memastikan gerai yang berpotensi untuk ada apa-apa tumpahan bahan busuk hendaklah dibersihkan dan dicuci dengan segera supaya tidak menimbulkan kacau/ganggu bau busuk.
- 10) **Pembuangan Sisa Pepejal/ Sisa Makanan Yang Teratur** - Penganjur dikehendaki memastikan semua peniaga menyediakan tong sampah yang berlapis plastik sampah di gerai masing-masing.
- 11) Pembuangan sampah merata-rata atau mengotori kawasan sekitar gerai adalah **DILARANG** dan boleh dikompau.
- 12) Penganjur dikehendaki memastikan peniaga membersihkan kawasan gerai/ petak sendiri selepas tamat masa operasi perniagaan.
- 13) Semua peniaga hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri dan pakaiannya, manakala peniaga makanan sedia dimakan hendaklah mematuhi kehendak di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 serta Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 1983.
- 14) Semua peniaga makanan sedia dimakan hendaklah menjalani kesihatan dan mempunyai sijil suntikan anti-tifoid yang sah

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

- 15) Semua pengendali makanan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan, memperolehi pelalian anti-typhoid dan mematuhi peraturan-peraturan di bawah Undang-Undang Kecil (Pengendali Makanan) Majlis
- 16) Peniaga hendaklah mematuhi syarat perniagaan yang dikenakan oleh Majlis atau Penganjur di tapak pasar malam/ pasar harian/ pasar tani tersebut.
- 17) Peniaga hendaklah membersihkan kawasan/ petak perniagaan masing-masing selepas tamat masa operasi.
- 18) Sampah hendaklah diikat dalam beg plastik sampah dan dibuang ke tong sampah pukal yang disediakan.
- 19) Peniaga yang mengotori kawasan sekitar gerainya atau meninggalkan sampah di petaknya selepas tamat operasi boleh dikompaun.
- 20) Semua barangan atau peralatan kepunyaan peniaga hendaklah dipindahkan selepas tamat masa operasi dan mengosongkan tapak tersebut.
- 21) Peniaga yang berdaftar tidak boleh menggunakan lesen yang diperolehi oleh mereka sebagai tuntutan untuk berniaga di mana-mana Pasar Malam/Pasar Pagi/Pasar Minggu/Pasar Tani selain daripada mendapat keizinan daripada penganjur Pasar Malam/Pasar Pagi/Pasar Minggu/Pasar Tani yang berkaitan.

TANGGUNGJAWAB PENGUNJUNG

- 1) Pengunjung pasar malam/ pasar harian/ pasar tani dikehendaki mematuhi arahan lalu lintas dan parkir di tempat yang dibenarkan sahaja serta tidak menghalang lalu lintas.
- 2) Pengunjung Pasar Malam/Pasar Pagi/Pasar Minggu/Pasar Tani **DILARANG** membuang sampah merata-rata dan tindakan kompaun boleh diambil terhadap mereka,

BAYARAN

- 1) Bayaran tapak adalah kepada penganjur yang dilantik Majlis memandangkan pihak penganjur perlu kos bagi kawalan lalulintas, kebersihan dan pengurusan pasar malam/minggu/pagi/tani.
- 2) Bayaran lesen penjaja bagi Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani adalah sebanyak RM 36.00 setahun bagi setiap peniaga.
- 3) Bayaran kutipan sebanyak 50 sen sehari untuk setiap tapak (dengan mengambilkira purata kehadiran peniaga pada kadar 80%) dikenakan bagi aktiviti pasar malam berdasarkan kategori berikut:-

Bil Peniaga / Bil Tapak Pasar Malam	Kadar Bayaran Sebulan (RM)
50 ke bawah	RM80.00
51 - 100	RM160.00
101 – 150	RM240.00
151 – 200	RM320.00
201 – 250	RM400.00
251 – 300	RM480.00

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

- 4) Bayaran hendaklah dijelaskan oleh penganjur sebelum 1 haribulan bulan berkenaan. Mana mana penganjur yang mempunyai tunggakan akan ditamatkan kelulusan penganjuran.
- 5) Setiap tambahan 50 tapak, kadar bayaran yang dikenakan adalah RM80.
- 6) Kadar penganjuran akan dikaji dan dengan peningkatan [5-15%] dan diselaraskan setiap 2 tahun.

KUASA MAJLIS

- 1) Majlis akan sediakan papan tanda yang menandakan sempadan kawasan pasar malam/ pasar harian/ pasar tani tersebut di semua jalan masuk ke tapak pasar tersebut, mempunyai masa operasi bagi memaklumkan kepada orang awam akan aktiviti yang telah diluluskan di tapak. Papan tanda tersebut juga hendaklah memaparkan nombor hotline kecemasan penganjur yang boleh dihubungi orang awam
- 2) Majlis boleh memasuki penganjuran pasar malam/pagi/minggu/tani pada bila-bila masa tanpa perlu maklumkan kepada penganjur bagi memantau pengurusan setiap pasar malam/pagi/minggu/tani.
- 3) Majlis boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya didapati ada pelanggaran peraturan/ syarat pelesenan peniaga atau terhadap pengunjung.
- 4) Majlis berhak menutup atau mengubah lokasi pasar malam/ pasar harian/ pasar tani pada bila-bila masa atau pada tarikh tarikh tertentu apabila tempat tersebut diperlukan bagi mengadakan apa-apa majlis.
- 5) Majlis berhak menarik balik kebenaran untuk menganjurkan pasar berkenaan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dengan memberikan notis pemakluman awal.
- 6) Majlis boleh mengambil tindakan untuk mengkompaun, menggantung atau membatalkan lesen mana-mana penganjur/peniaga yang gagal mematuhi peraturan dan syarat.

SENARAI RUJUKAN

- 1) Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam / Pasar Harian / Pasar Tani Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 2) Garispanduan Menguruskan Pasar Malam/Pagi/Minggu/Tani (Pindaan Tahun 2012)
- 3) Undang Undang Kecil Pengendali Makanan 1983

Tarikh kuatkuasa: 26 November 2024

Disediakan oleh:
Jabatan Pelesenan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang.